
KERTAS KERJA PINJAMAN LADANG SAYURAN

Sulit & Persendirian

MEGA SAMUDERA SDN BHD

No. 7A Pekan Padang Sera

06100, Kodiang

Kedah Darul Aman

Malaysia

Tel: 604-925 2149 Fax: 604-925 2149

www.megasamudera.com

RINGKASAN EKSEKUTIF

Mega Samudera Sdn Bhd didaftarkan pada 04 September 2006 dengan modal berbayar sebanyak RM 100,000.00 dan mempunyai ekuiti bumiputera 100%. Syarikat telah menjalankan perniagaan “trading & services” selama setahun dan merupakan kontraktor pembekal bertaraf bumiputera kepada agensi-agensi kerajaan dan syarikat swasta.

Syarikat telah melihat peluang yang begitu luas dalam bidang pertanian dan berkeyakinan untuk melibatkan diri dalam perniagaan ini. Mega Samudera Sdn Bhd telah membuka sebuah ladang sayuran seluas 3 hektar. Lokasi ladang sayuran ini terletak di Batu 5, Mukim Keplu, Kodiang, Kedah.

Tujuan kertas kerja ini adalah untuk memohon pembiayaan pinjaman untuk Skim Usahawan Tani Komersial Siswazah (SUTKS) daripada Bank Pertanian berjumlah RM 50,000.00 sebagai modal tambahan dan modal pusingan bagi mengembangkan aktiviti pertanian ini.

Mega Samudera Sdn Bhd memandang jauh potensi bidang usaha ini dalam membekalkan sayuran yang berkualiti, selamat dimakan dan mampu memenuhi permintaan domestik. Dalam perancangan jangka panjang, pihak syarikat merancang untuk mencapai keluasan 50 ekar ladang sayuran.

KANDUNGAN

RINGKASAN EKSEKUTIF.....	2
KANDUNGAN.....	3
PENDAHULUAN.....	4
TEKNIKAL.....	6
PEMASARAN	10
PENGURUSAN	15
KEWANGAN	17
KESIMPULAN	24
LAMPIRAN	27

PENDAHULUAN

- **Maklumat Syarikat**

NAMA PEMOHON : SAIFUDDIN BIN SAAD

NAMA PERNIAGAAN : MEGA SAMUDERA SDN BHD

NO.PENDAFTARAN : 746146-W

TARIKH PENUBUHAN : 04 September 2006

JENIS SYARIKAT : PRIVATE LIMITED

MODAL DIBENARKAN : RM 100,000-00

MODAL BERBAYAR : RM 100,000-00

BANK : MAYBANK BERHAD

LEMBAGA PENGARAH : SAIFUDDIN BIN SAAD
: MOHD ASRUM BIN ABD RAHIM

ALAMAT : NO. 8 JALAN SR 4/12
SERDANG RAYA, SERI KEMBANGAN
43300 Selangor MALAYSIA

TEL : +603 8943 5344 / 012 2299 377

FAX : +603 8943 5344

CAWANGAN KEDAH : NO.7A PEKAN PADANG SERA
06100, KODIANG
KEDAH.

TEL : +604 9252 149 / 012 2299 377

FAX : +604 9252 149

PENGURUS : SAIFUDDIN BIN SAAD

AKTIVITI PERNIAGAAN : TRADING & SERVICES
SEKARANG

RANCANGAN : LADANG SAYUR-SAYURAN
PERNIAGAAN

- **Pengarah Dan Pemegang Saham**

BIL	NAMA	UMUR	JAWATAN	%SAHAM
1	Saifuddin Bin Saad	27	Pengarah	80%
2	Nasruddin Bin Saad	20	Pengarah	20%

- **Latarbelakang Perniagaan**

Potensi tanaman sayur-sayuran dianggarkan pada paras 1,960,234 MT pada tahun 2005 dan 2,107,874 MT pada tahun 2006. Peningkatan menunjukkan hampir 8% setahun seiring dengan pertumbuhan permintaan terhadap sayuran terutama daripada institusi, isirumah dan kilang.

Industri sayur-sayuran tempatan telah berkembang dengan pesatnya sejak awal 90an. Kesempatan ini digunakan dengan sebaik mungkin oleh Mega Samudera Sdn Bhd untuk menceburkan diri dalam bidang ini. Kombinasi bidanusaha yang efektif akan membantu syarikat mendapatkan keuntungan yang maksimum. Kombinasi yang efektif membolehkan penggunaan tanah, tenaga buruh dan modal dengan lebih cekap. Mempelbagaikan bidanusaha dalam ladang juga akan dapat mengurangkan kos pengeluaran, menambahkan kadar hasil dan dapat mengurangkan kos pengeluaran dan dapat mengurangkan risiko seperti kejatuhan harga hasil dan serangan penyakit. Bidang usaha ini menepati objektif dan strategi halatuju industri sayuran melalui Dasar Pertanian Negara (1998-2010).

- **Status Perusahaan Ladang**

Perusahaan ladang sayuran ini telah mencapai tahap 2 dan akan berkembang mengikut jadual selepas mendapat kelulusan pembiayaan daripada Bank Pertanian sebanyak RM 50,000.00.

TEKNIKAL

- **Profail jenis sayuran**

- a) Kailan
- b) Bayam
- c) Kangkung
- d) Kacang buncis
- e) Kacang bendi
- f) Kacang panjang
- g) Cili Merah Kulai

- **Tapak Projek/ Premis**

- a) Lokasi:

Mega Samudera Sdn Bhd telah membuka ladang sayuran seluas 3 hektar di Batu 5, Jalan Kodiang-Changloon, Mukim keplu, Kodiang, kedah

Formula asas kepada pemilihan lokasi ladang sayuran ini ialah kesesuaian tanah dan kemudahan asas yang sedia ada. Lokasi ini penting bagi menghasilkan pengeluaran yang maksima dan mampu memberi kemudahan kepada pemborong-pemborong sayuran mendapatkan hasil ladang.

b) Keluasan Lokasi:

Keluasan tanah yang dijadikan ladang sayuran ini ialah 3 hektar. Keluasan tanah ini bersesuaian dengan matlamat operasi perusahaan ladang sayuran dan anggaran pengeluaran dijangka bertambah sehingga 15 tan sebulan.

c) Pemilikan

Tanah seluas 3 hektar ini dimiliki oleh Puan Asma bt Hanafi dan Mega Samudera Sdn bhd telah menandatangani perjanjian sewa selama 3 tahun bermula 30 November 2007 dan akan tamat pada 1 Disember 2010 .

d) Kemudahan Dan kesesuaian:

Kedudukan tanah ini amat bersesuaian dengan bidang pertanian dan mempunyai kemudahan saluran air yang sedia ada. Lokasi perusahaan ladang ini yang bersebelahan dengan kawasan ternakan ayam memberi kemudahan dari segi baja tanaman.


• **Pemilihan Proses**

BIL	JENIS	PEMBEKAL
1	Peralatan Pertanian	T.A.E Engineering Works Sdn Bhd (Jitra) Sin Chuan Hup (Kodiang) Jintani Machinery Sdn Bhd (Jitra)
2	Benih tanaman	Jabatan Pertanian MARDI
3	Baja	Jabatan Pertanian (PPK Changloon)
4	Racun	Kedai Racun Huan (kodiang) Jintani Machinery Sdn Bhd (Jitra)

• **Lesen-lesen**

Pihak syarikat telah memohon permit pekerja asing bagi pengambilan seramai 6 orang tenaga kerja baru yang mahir dalam bidang pertanian dari Surabaya, Indonesia.

- **Carta Aliran Ladang Sayuran**



- **Jadual Pelaksanaan projek**

Jenis Kerja	Tahap 1	Tahap 2	Tahap 3	Tahap 4
Pembersihan/Penyediaan tanah Batas Tanaman/Sistem Pengairan	•			
Tanaman Peringkat 1 (sayuran berdaun)		•		
Tanaman Peringkat 2 (Pelbagai jenis sayur kacang)			•	
Tanaman Peringkat 3 (Cili Merah Kulai)				•

Tanaman Peringkat 1 meliputi tanaman sayuran berdaun seperti sayur sawi, sayur bayam, sayur kangkung dan sayur kalia. Sayuran ini ditanam dikawasan seluas 1 hektar. Tanaman ini telah berjalan mengikut jadual iaitu bermula pada bulan November 2007. Tujuan tanaman ini adalah untuk mendapatkan titik pulang modal dalam masa yang dianggarkan.


Tanaman Peringkat 2 meliputi tanaman sayuran seperti kacang bendi, kacang panjang dan kacang buncis. Sayuran ini ditanam dikawasan seluas 1 hektar.

Tanaman Peringkat 3 adalah sebanyak 10,000 pokok cili merah jenis kulai. Tanaman ini akan mula di tanam mengikut jadual pada bulan Feb 2008 dan mampu mengeluarkan hasil pada bulan Mei 2008 sehingga Oktober 2008. Ini adalah strategi pihak ladang memandangkan potensi harga pada bulan Mei sehingga bulan Oktober begitu memberangsangkan di mana dianggarkan purata harga pasaran ladang sekitar RM 6 sekilogram.

PEMASARAN

- **Pasaran Am**

Trend perdagangan di Malaysia menunjukkan, Malaysia ialah negara pengimport sayuran kerana pengeluaran tempatan tidak mencukupi untuk menampung permintaan yang semakin meningkat. Pada umumnya, sektor swasta memainkan peranan utama dalam sistem pasaran sayuran di Malaysia, Kebanyakan sayuran dipasarkan melalui saluran pemasaran tradisional, namun margin pemasaran menunjukkan peningkatan dari setahun ke setahun. Ringkasan kepada pasaran dapat ditunjukkan seperti rajah di bawah;



- **Sasaran Pasaran Syarikat**

Kami mensasarkan beberapa kawasan seperti jadual di bawah dalam memperluaskan aktiviti pemasaran bagi hasil perladangan ini;

BIL	NAMA	KEPERLUAN	ANGGARAN SEBULAN
1	Pasar Borong Alor Setar	Membekalkan hasil sayuran kepada pemborong bagi diagihkan kepada peniaga kecil.	4000KG.
2	Pasar Borong kangar	Membekalkan hasil sayuran kepada pemborong bagi diagihkan kepada peniaga kecil.	4000KG
3	Pemborong Perseorangan	Membekalkan hasil sayuran kepada pemborong tetap.	6000KG
4	Peniaga-Peniaga Kecil	Membekalkan hasil sayuran kepada peniaga kecil pasar malam.	1000KG

- **Strategi Pemasaran**

Analisis SWOT (Dalam dan Luaran)

Kami mempunyai kekuatan dan kelemahan dari segi dalaman dan kami melihat peluang dan ancaman dari segi luaran dalam meningkatkan hasil pengeluaran yang dirumuskan seperti berikut:

<p>KEKUATAN</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengurusan ladang yang cekap, berkemampuan dan efektif. • Mengamalkan konsep penanaman yang efektif mampu menjana hasil pengeluaran yang tinggi. • Tenaga kerja yang telah mahir dalam bidang pertanian khususnya tanaman sayuran. • Keluasan tanah ladang mampu mengeluarkan hasil sebanyak 15000kg sebulan. 	<p>PELUANG</p> <ul style="list-style-type: none"> • Potensi pasaran yang sedang berkembang dan mampu bertahan lama serta pasaran yang sentiasa wujud. • Kemudahan khidmat nasihat daripada Jabatan Pertanian, Mardi dan pemilik ladang individu • Kebanjiran pemborong baru dari luar kawasan. • Berdekatan dengan Pasar Borong utama negeri Kedah dan Perlis.
<p>KELEMAHAN</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kurang sumber kewangan. • Tidak mampu mengguna pakai teknologi pertanian seperti struktur pelindung berjaring, aeroponik, struktur pelindung hujan dan fertigasi. • Tiada infrastruktur pemasaran seperti pusat pengumpulan sayur, bilik sejuk dan kemudahan tempat pembungkusan. 	<p>ANCAMAN</p> <ul style="list-style-type: none"> • Harga pasaran sayuran yang berubah. • Perantaraan pasaran yang banyak mengakibatkan pengeluar menerima harga yang rendah dan pengguna membeli dengan harga yang tinggi.

- **Kawasan Pasaran**

Pihak syarikat akan memberi tumpuan pasaran di sekitar daerah Kubang Pasu dan Bandar kangar kerana lokasi yang berdekatan iaitu berada pada jarak 17km sahaja dari ladang sayuran. Tumpuan pasaran di sini penting kerana sayuran merupakan komoditi mudah rosak, harga yang tidak tetap dan sentiasa berubah.

- **Usaha Promosi**

Pihak syarikat telah menjalankan promosi dan telah mengenalpasti 1 orang pemborong dari pasar borong Alor Setar dan 1 orang pemborong dari pasar borong kangar. Pihak syarikat juga telah mendapatkan khidmat nasihat daripada pihak FAMA dalam mempromosikan hasil ladang. Usaha promosi melalui internet juga telah dibuat iaitu melalui www.ladangsayur.blogspot.com dan respons yang kami terima begitu membanggakan. Dalam jangka masa panjang, ladang sayuran ini akan dilengkapi dengan sistem CCTV dan pelanggan boleh mengikuti secara langsung aktiviti di ladang menerusi internet.

- **Perletakan Harga**

Pihak Syarikat akan sentiasa mengawasi pasaran harga bagi sayuran terpilih dan menentukan harga berdasarkan standart harga pasaran yang dikeluarkan oleh pihak FAMA.

- **Kos Operasi Perniagaan**

Berdasarkan kepada perancangan, anggaran modal yang diperlukan, anggaran pendapatan, sasaran dan segmen pasaran, maka modal tambahan dan modal pusingan bagi operasi ladang ini adalah seperti berikut.


PERKARA	SEDIADA	TAMBAHAN	JUMLAH
MESIN/PERALATAN/KENDERAAN	5,000.00	12,074.00	17,074.00
TANAH/BANG./U.SUAI	18,500.00	11,000.00	29,500.00
ALAT PEJ/HAWA DINGIN	0.00	0.00	0.00
PRA-OPERASI	3,500.00	0.00	3,500.00
DEPOSIT	3,000.00	0.00	3,000.00
TOLAK - SUSUT NILAI	0.00		0.00
MODAL KERJA	0.00	26,926.00	26,926.00
JUMLAH	30,000.00	50,000.00	80,000.00
DIBIYAI OLEH:			
SUMBANGAN SENDIRI	30,000.00	0.00	0.00
PINJAMAN	0.00	50,000.00	50,000.00
UNTUNG/RUGI TERKUMPUL	0.00	0.00	0.00
LAIN-LAIN	0.00	0.00	0.00
JUMLAH	30,000.00	50,000.00	80,000.00

- **Persaingan Utama**

BIL	NAMA	% PASARAN	KEKUATAN	KELEMAHAN
1	Hasil sayuran yang diimport dari Negara Thailand.	30%	- Harga Pasaran yang murah.	- Kualiti sayuran yang tidak baik. - Tidak mendapat permintaan dari pasaran tempatan. - Penggunaan racun yang tidak dikawal

PENGURUSAN

- **Carta Organisasi**



- **Kebolehan Pengarah Untuk Mengurus**

SAIFUDDIN BIN SAAD

26 tahun, Graduan daripada Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam bidang Bachelo Ekonomi (Kepujian) pada tahun 2004. Mempunyai 3 tahun pengalaman dalam bidang pengurusan. Menjalankan perniagaan sendiri dibawah syarikat Mega Samudera Sdn Bhd. Mempunyai pengalaman dan kebolehan dalam menguruskan sesebuah ladang sayuran.

- **Ahli Pengurusan Dan Tugas**

a) Pengurusan / Akaun

Mengurus operasi perniagaan melalui perancangan dan kawal selia meliputi keseluruhan operasi ladang.

b) Pengurus Ladang

Bertindak sebagai penyelia dan memastikan kualiti hasil pengeluaran sentiasa dalam standart piawaian yang ditetapkan oleh pihak syarikat.

c) Pegawai Pemasaran

Menjalankan tugas-tugas pemasaran termasuklah penyediaan dokumen tender bekalan makanan bahan mentah untuk Kementerian- Kementerian Kerajaan dan mengenalpasti pemborong. Memastikan skop promosi yang berkesan untuk memasarkan hasil ladang.

- **Pekerja Dan Bidang Tugas**

JAWATAN	TUGAS	BILANGAN PEKERJA
Ketua Buruh	<ul style="list-style-type: none">• Mengenalpasti jangkitan penyakit dan kaedah rawatan.• Pemilihan benih sayuran yang terbaik.	1
Buruh Ladang	<ul style="list-style-type: none">• Menjalankan kerja-kerja ladang	5
JUMLAH		6

- **Bekalan Pekerja Dan Kaedah Pengambilan**

Pihak syarikat akan mengambil seramai 6 orang pekerja daripada Surabaya, Indonesia dan 2 orang pekerja tempatan. Pengarah syarikat mempunyai kenalan dari Indonesia dan ini memudahkan urusan pengambilan pekerja dari Indonesia.

- **Insentif**

Pihak syarikat akan membuat caruman KWSP dan caruman kos insurans dengan PERKESO bagi setiap pekerja tempatan dan Skim Insurans Pekerja Asing bagi pekerja dari Indonesia. Kami juga akan menyediakan kemudahan asas yang lengkap bagi semua pekerja.

KEWANGAN

- **Kos Projek**

(1) Senarai mesin dan peralatan kenderaan

Butir	Harga Belian	% Susut Nilai	Susut Nilai
Hand Sprayer	174.00	15%	26.10
Power Mist Duster	2000.00	15%	300.00
Alatan Pertanian	500.00	15%	75.00
Brush Cutter	400.00	15%	60.00
Diesel Engine High Pressure Pump	9000.00	15%	1350.00
Jumlah	12074.00		1811.10
<i>Kos pembaikan (bergantung kepada mesin 3 - 5% setahun)</i>		3.00%	

(2) Senarai Tanah/Bangunan/ubahsuai

Butir	Harga	% Susut Nilai	Susut Nilai
Piping & Sprinkle (Fasa 2 & 3)	6000.00	10%	600.00
Rumah Pengumpulan Sayur	1000.00	10%	100.00
Pagar (Fasa 2 & 3)	3000.00		0.00
Bajak & Batas (Fasa 2 & 3)	1000.00		0.00
Jumlah	11000.00		700.00
<i>Kos pembaikan</i>		3.00%	

(3) Pengiraan modal kerja

PERKARA	SEDIADA	TEMPOH MINGGU	TAMBAHAN	JUMLAH
STOK BAHAN MENTAH	0.00	4	6194	6194
PENGHUTANG	0.00	0	0	0
TUNAI MINIMA OPERASI	0.00	4	5732	5732
TUNAI LUAR JANGKA			15000	15000
MODAL KERJA KASAR	0.00		26926	26926
(--) PEMIUTANG OBERDERAF *	0.00 0.00	0	0	0
MODAL KERJA BERSIH	0.00		26926	26926

* Tunai luar jangka ialah kos permit bagi pekerja asing.


- **Anggaran Jualan & Anggaran Kos Bahan Mentah**

JENIS PRODUK	KUANTITI DIJUAL SEBULAN (KG)	HARGA JUALAN KG (RM)	JUALAN DIANGGAR SEBULAN (RM)	KOS BAHAN MENTAH SETIAP POKOK (RM)	JUMLAH
Bayam & kangkung	6,500	0.80	5,200.00	0.36	2,340.00
Kacang Panjang / Bendi & Buncis	6,500	0.90	5,850.00	0.38	2,470.00
Cili Merah Kulai	2,000	3.00	6,000.00	0.95	1,900.00
			17,050.00		6,710.00

	THN1	THN 2	THN 3
JUALAN TUNAI	204,600.00	214,830.00	225,571.50
JUALAN KREDIT	0.00	0.00	0.00
JUMLAH	204,600.00	214,830.00	225,571.50

% Peningkatan

5% Setahun




- Kos Operasi Perniagaan

BUTIR PERBELANJAAN TETAP

PERKARA	BELANJA TETAP SEBULAN	THN 1
GAJI PENGURUS/STAF	5,600.00	67,200.00
KWSP/SOCSO	120.00	1,440.00
LETRIK	90.00	1,080.00
PEMBAIKAN PEJABAT	0.08	1.00
SEWA PREMIS		
HOTEL, TIKET DLL		
UTILITI		
BELANJA AM		
TELEFON	100.00	1,200.00
KERAJIAN/PROMOSI		
SEWA TAPAK BERNIAGA		
BELANJA PENTADBIRAN	100.00	1,200.00
PENGANGKUTAN	200.00	2,400.00
JUMLAH		74,521.00

% PENINGKATAN

5%



- **Modal kerja**

PERKARA	SEDIADA	TEMPOH MINGGU	TAMBAHAN	JUMLAH
STOK BAHAN MENTAH	0.00	4	6194	6194
PENGHUTANG	0.00	0	0	0
TUNAI MINIMA OPERASI	0.00	4	5732	5732
TUNAI LUAR JANGKA			15000	15000
MODAL KERJA KASAR	0.00		26926	26926
(--) PEMIUTANG	0.00	0	0	0
OBERDERAF *	0.00			0
MODAL KERJA BERSIH	0.00		26926	26926

* Tunai luar jangka ialah kos permit bagi pekerja asing.

BELIAN BAHAN MENTAH & STOK


ANGGARAN JUALAN THN 1	204,600.00			
KOS BAHAN MENTAH	39%			
SIMPANAN STOK BAHAN MENTAH	4 MINGGU	=	6,193.85	
JUM. BELIAN KREDIT THN 1	0 MINGGU	=	0.00	
	THN1	THN2	THN3	
JUMLAH BELIAN	86713.85	84546.00	88773.30	
BELIAN TUNAI	86713.85	84546.00	88773.30	
BELIAN KREDIT	0.00	0.00	0.00	
JUMLAH PEMIUTANG	0.00	0.00	0.00	
BAYAR PEMIUTANG / KONTRA	0.00	0.00	0.00	
% PENINGKATAN				0% Setahun

- Anggaran Prestasi Kewangan

**ANGGARAN UNTUNG RUGI
LADANG SAYURAN MEGA SAMUDERA SDN BHD**

	THN 1	THN 2	THN 3
JUALAN	204600.00	214830.00	225571.50
KOS JUALAN			
STOK B/MTH		6193.85	6193.85
(+) KOS BELIAN	86713.85	84546.00	88773.30
(-) STOK AKHIR B/MTH	6193.85	6193.85	6193.85
	80520.00	84546.00	88773.30
UNTUNG KASAR	124080.00	130284.00	136798.20
PERBELANJAAN			
GAJI PENGURUS/STAF	67200.00	70560.00	74088.00
KWSP/SOCSO	1440.00	1512.00	1587.60
LETRIK PEJABAT	1080.00	1134.00	1190.70
SEWA PREMIS HOTEL, TIKET DLL			
PEMBAIKAN PEJABAT	1.00	1.05	1.10
UTILITI			
BELANJA AM			
TELEFON	1200.00	1260.00	1323.00
KERAIAN/PROMOSI			
SEWA TAPAK BERNIAGA			
BELANJA PENTADBIRAN	1200.00	1260.00	1323.00
PENGANGKUTAN	2400.00	2520.00	2646.00
BELANJA PEMBAIKAN	1397.22	1439.14	1482.31
SUSUT NILAI/AMORTI	3711.10	3711.10	3711.10
FAEDAH PINJAMAN & OD	1000.00	1679.66	1026.15
JUMLAH	80629.32	85076.95	88378.96
UNTUNG BELUM CUKAI	43450.68	45207.05	48419.24
CUKAI 28%	12166.19	12657.98	13557.39
UNTUNG BERSIH	31284.49	32549.08	34861.85
UNTUNG BAWA DEPAN		31284.49	63833.57
UNTUNG TERKUMPUL	31284.49	63833.57	98695.42

GRAF ANGGARAN UNTUNG RUGI



**ANGGARAN ALIRAN TUNAI
LADANG SAYURAN MEGA SAMUDERA SDN BHD**


	THN 1	THN 2	THN 3
WANG TUNAI MASUK			
JUALAN TUNAI	204600.00	214830.00	225571.50
KUTIPAN MODAL SUMBANGAN PINJAMAN & OD	50000.23		
JUMLAH	254600.23	214830.00	225571.50
WANG TUNAI KELUAR			
BELI MESIN/PERALATAN	12074.00		
BELI TANAH/BANG/U.SUAI	11000.00		
BELI ALAT PEJABAT PRA-OPERASI DEPOSIT			
BELI BAHAN TUNAI	86713.85	84546.00	88773.30
BAYAR PEMIUTANG & OD			
BELANJA PEMBAIKAN	1397.22	1439.14	1482.31
GAJI PENGURUS/STAF	67200.00	70560.00	74088.00
KWSP/SOCSO	1440.00	1512.00	1587.60
LETRIK PEJABAT	1080.00	1134.00	1190.70
SEWA PREMIS HOTEL, TIKET DLL			
PEMBAIKAN PEJABAT	1.00	1.05	1.10
UTILITI			
BELANJA AM			
TELEFON	1200.00	1260.00	1323.00
KERAIAN/PROMOSI			
SEWA TAPAK BERNIAGA			
BELANJA PENTADBIRAN	1200.00	1260.00	1323.00
PENGANGKUTAN	2400.00	2520.00	2646.00
FAEDAH PINJAMAN & OD	1000.00	1679.66	1026.15
POKOK PINJAMAN	8008.75	16337.85	16991.36
CUKAI		12166.19	12657.98
JUMLAH	194714.82	194415.89	203090.50
BAKI TUNAI	59885.41	20414.11	22481.00
TUNAI BAWA DEPAN		59885.41	80299.52
TUNAI TERKUMPUL	59885.41	80299.52	102780.53

**ANGGARAN KUNCI KIRA-KIRA
LADANG SAYURAN MEGA SAMUDERA SDN BHD**

	SEDIADA	THN 1	THN 2	THN 3
<u>HARTA TETAP</u>	-			
KEND/PERALATAN	5000.00	17074.00	17074.00	17074.00
TANAH/BANG./U.SUAI	18500.00	29500.00	29500.00	29500.00
ALAT PEJABAT	0.00	0.00	0.00	0.00
TOLAK : SUSUT NILAI	0.00	3711.10	7422.20	11133.30
JUM. HT BERSIH	23500.00	42862.90	39151.80	35440.70
<u>HARTA SEMASA</u>	-			
STOK AKHIR - Brg. Siap		0.00	0.00	0.00
- Bahan mth	0.00	6193.85	6193.85	6193.85
PENGHUTANG	0.00	0.00	0.00	0.00
TUNAI	0.00	59885.41	80299.52	102780.53
DEPOSIT	3000.00	3000.00	3000.00	3000.00
JUM. H. SEMASA	3000.00	69079.26	89493.37	111974.37
<u>HARTA TAK KETARA</u>	-			
PRA-OPERASI	3500.00	3500.00	3500.00	3500.00
TOLAK : ARMOTISASI	0.00	0.00	0.00	0.00
	3500.00	3500.00	3500.00	3500.00
JUM. HARTA-HARTA	30000.00	115442.16	132145.17	150915.07
<u>TANGG. SEMASA</u>	-			
PEMIUTANG	0.00	0.00	0.00	0.00
OBERDERAF	0.00	0.00	0.00	0.00
CUKAI	0.00	12166.19	12657.98	13557.39
	0.00	12166.19	12657.98	13557.39
<u>TANGG BERJANGKA</u>	-			
PINJAMAN BARU	0.00	41991.48	25653.63	8662.26
PINJAMAN SEDIA		0.00	0.00	0.00
	0.00	41991.48	25653.63	8662.26
<u>IKUITI</u>				
MODAL	30000.00	30000.00	30000.00	30000.00
UNTUNG TERKUMPUL	0.00	31284.49	63833.57	98695.42
	0.00	31284.49	63833.57	98695.42
JUMLAH MODAL & IKUITI DAN TANGGUNGAN	30000.00	115442.16	132145.17	150915.07

**ANALISA PENYATA KEWANGAN
LADANG SAYURAN MEGA SAMUDERA SDN BHD**

	THN 1	THN 2	THN 3
1. ANALISA KEBERUNTUNGAN			
Pendapatan	204600	214830	225572
Untung kasar	124080	130284	136798
Untung Bersih	31284	32549	34862
Pulangan kasar atas pendapatan	61%	61%	61%
Pulangan bersih atas pendapatan	15%	15%	15%
Pulangan bersih atas Harta	73%	83%	98%
Pulangan bersih atas Pelaburan	#DIV/0!	#DIV/0!	#DIV/0!
2. ANALISA KETUNAIAN			
Wang tunai masuk	254600	214830	225572
Wang tunai keluar	194715	194416	203090
Baki tunai	59885	20414	22481
Nisbah semasa (: 1)	5.68	7.07	8.26
Nisbah segera (: 1)	5.68	7.07	8.26
3. KESELAMATAN			
Nisbah gearan (hutang/ikuiti) (: 1)	1.34	0.40	0.09
Nisbah lindungan hutang (: 1)	2.75	5.15	17.42
4. TITEK PULANGAN MODAL (RM)	132952.61	140286.45	145731.26
(%)	65%	65%	65%



KESIMPULAN

- **Prospek / Kekuatan Ladang Sayuran Mega Samudera Sdn Bhd**

Kekuatan kami bakal membawa perniagaan ini untuk meneroka peluang-peluang baru yang wujud dalam pasaran .

Ladang ini bakal diuruskan oleh pekerja-pekerja yang profesional dan berpengalaman dalam pengurusan ladang sayuran. Sumber bekalan biji benih yang terpilih dan baja yang berkualiti dibeli terus daripada jabatan Pertanian membolehkan kami menghasilkan keluaran pertanian yang baik seterusnya membolehkan kami mencipta permintaan daripada pelanggan.

- **Kelemahan dan Ancaman Sektor Pertanian Dan Cara Mengatasinya**

Kami bersedia untuk mengatasi kelemahan dan mampu menghadapi ancaman yang wujud dalam sektor pertanian ini:

Pada peringkat awal operasi ladang sayuran ini, pihak syarikat dan pekerja berusaha agar mencapai titik pulang modal dalam jangka masa yang ditetapkan.

Ancaman daripada lambakan sayuran yang diimport dari Thailand tidak dapat di elakkan tetapi dengan kekuatan yang kami ada, kami mampu menghadapi persaingan dengan strategi harga dan pemasaran kami.

- **Sumbangan Kepada Sosio ekonomi**

Kami juga bakal mencipta ruang dan peluang perniagaan kepada peniaga-peniaga kecil. Kami memberi ruang kepada peniaga-peniaga pasar untuk mendapatkan hasil ladang secara terus dengan harga yang terkawal.

Sekiranya terdapat usahawantani yang berminat untuk mempelajari kaedah dan sistem pertanian, kami juga bersedia menawarkan kursus-kursus dalam bidang tanaman berkaitan.

LAMPIRAN

- Gambar Kawasan Ladang Sayuran.
- Salinan Harga Ladang/Borong/Runcit Pasaran Sayuran.
- Salinan Senarai Pemborong Yang Telah Dikenalpasti
- Salinan Sebut Harga Barangan Peralatan Ladang.
- Salinan Caruman KWSP & Perkeso (SOCSO)
- Profail Syarikat Dan Prestasi Kewangan Semasa.
- Salinan Maklumat Penjamin

GAMBAR SEKITAR KAWASAN LADANG SAYURAN MEGA SAMUDERA SDN BHD



KAWASAN LADANG YANG DIPILIH



KAWASAN FASA 1 YANG TELAH SIAP DI RACUN



PEMBERSIHAN / PENYEDIAAN TANAH BAGI KAWASAN FASA 2



PEMBERSIHAN / PENYEDIAAN TANAH BAGI KAWASAN FASA 3




KESELURUHAN KAWASAN LADANG YANG SUDAH DIBERSIHKAN



PEMBINAAN RUMAH PEKERJA BERSAIZ 15 x 12sq ft TELAH SIAP SEPENUHNYA



PERPARITAN YANG TELAH SIAP



SISTEM PAIP AIR MENGGUNAKAN SPRINKLE



SPRINKLE



SAYUR BAYAM